



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“WILAYAH LESTARI HIDUP BERKUALITI”

Tarikh Dibaca :

**23 JAMADIL AKHIR 1442H/
5 FEBRUARI 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



“WILAYAH LESTARI HIDUP BERKUALITI”
23 JAMADIL AKHIR 1442H / 5 FEBRUARI 2021

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ. قَالَ تَعَالَى : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ : وَأَبْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ
الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ
الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ۗۗ (القصص 77)

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Bersempena memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan, tajuk khutbah pada hari ini ialah, “Wilayah Lestari Hidup Berkualiti”.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Konsep kelestarian merupakan satu paradigma pemikiran futuristik dengan mengambil kira keseimbangan persekitaran, ekonomi dan sosial dalam merancang pembangunan dan peningkatan kualiti hidup. Kini, pembangunan ekonomi dan teknologi dunia semakin canggih untuk memenuhi keperluan penduduknya yang semakin meningkat. Lantaran itu, Wilayah Persekutuan terus ke hadapan membangunkan infrastrukturnya yang berteraskan tema tahun ini iaitu ‘**Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin**’.

Tema ini merupakan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan dan seluruh agensinya yang mendahulukan kesejahteraan dan kebajikan rakyat melalui inisiatif Wilayah Prihatin yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan hidup warga Wilayah Persekutuan. Keperluan inisiatif ini dilihat sebagai elemen penting dalam memenuhi kesejahteraan penduduknya lebih-lebih lagi dalam situasi pandemik Covid-19.

Dalam konteks ini, *islah* dalam pembangunan lestari jika diambil manfaat dan hala tujuinya dapat menzahirkan sebuah negara yang makmur dan memberi rahmat untuk semua iaitu *Baldatun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur* iaitu sebuah negara yang dilimpahi pelbagai kebaikan, dan dijauhi sebarang kemungkaran (musibah). Ini disebutkan oleh Allah SWT dalam Surah Saba’ ayat 15:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُّوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ
وَأَشْكُرُوا لَهُ وَبَلَدٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ ۝

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba’, satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): “Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun”.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Prihatin dengan nasib menimpa warganya, Kementerian Wilayah Persekutuan telah melancarkan dan menyediakan pelbagai insentif seperti Inisiatif Wilayah Cakna (IWC) yang meliputi 51 inisiatif utama melibatkan lebih 370,854 orang penerima manfaat yang terdiri daripada golongan B40, asnaf dan berpendapatan rendah, peniaga dan penjaja berlesen, penghuni rumah PPR MTEN dan PA DBKL, komuniti, atlet, jurulatih dan gelandangan.

Inisiatif ini memberi manfaat terutamanya kepada warga kota yang kehilangan pekerjaan atau diberhentikan kerana pandemik Covid-19, pelajar dan pesakit kurang kemampuan, mereka yang terputus keperluan harian, dan golongan usahawan. Sesungguhnya orang yang memberi manfaat kepada orang lain itu sangat dikasihi oleh Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abdullah ibn Umar RA menceritakan bahawa seorang lelaki telah datang menemui Rasulullah SAW lalu bertanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ النَّاسِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ وَأَيُّ الْأَعْمَالِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ فَقَالَ
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَحَبُّ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ، وَأَحَبُّ
الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى سُرُورٌ تُدْخِلُهُ عَلَى مُسْلِمٍ، أَوْ تَكْشِفُ عَنْهُ كَرْبَةً، أَوْ تَقْضِي عَنْهُ
دَيْنًا، أَوْ تَطْرُدُ عَنْهُ جُوعًا، وَلَإِنَّ أُمَّشِيَّ مَعَ أَخٍ فِي حَاجَةٍ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ أَعْتَكِفَ
فِي هَذَا الْمَسْجِدِ يَعْنِي مَسْجِدَ الْمَدِينَةِ شَهْرًا

Mafhumnya: “Wahai Rasulullah, siapakah manusia yang paling dikasihi Allah? Maka baginda bersabda: Manusia yang dikasihi Allah ialah manusia yang memberi manfaat kepada manusia yang lain dan amalan yang paling dikasihi Allah ialah memberikan kegembiraan kepada orang Islam, menghindarkan kesusahannya atau menyelesaikan hutangnya atau menolak kelaparan daripada menyimpannya. Sesungguhnya aku berjalan

bersama seorang saudara dalam satu hajat adalah lebih aku sukai daripada aku beriktikaf di masjid ini selama sebulan (Masjid Nabawi)". (Hadis riwayat at-Tabrani)

Berdasarkan hadis ini, jelas bahawa manusia yang dimuliakan oleh Allah SWT ialah yang sentiasa berbuat kebaikan dan perkara itu memberi manfaat kepada orang di sekelilingnya. Sememangnya keperluan setiap orang adalah tidak sama. Namun dalam hal ini, individu itu sebenarnya memerlukan kasih sayang daripada kita iaitu orang yang berada di sekelilingnya bagi sama-sama mencapai kualiti hidup yang baik.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Mimbar berpendapat bahawa umat Islam yang berkualiti ialah umat yang bertamadun tinggi dalam semua aspek. Untuk menjamin kehidupan yang berkualiti, manusia disarankan supaya menjalani kehidupan yang bebas daripada sebarang pencemaran baik dari segi rohani mahupun jasmani. Pencemaran di sini ialah terhindar daripada sebarang bentuk gangguan dari aspek fikiran, kesihatan, alam sekitar dan sebagainya. Semua elemen tersebut memainkan peranan penting dalam memastikan seluruh kehidupan ini menikmati keselesaan dan kebahagiaan serta kemakmuran.

Impak daripada peningkatan kualiti hidup akan melahirkan masyarakat yang amanah, berakhlak mulia, berpengetahuan tinggi, berdaya maju, kreatif, mampu mereka cipta dan mencetuskan segala perbuatan positif yang lain. Justeru, penekanan kepada aspek memelihara kualiti hidup supaya tahap kehidupan dapat dihijrahkan daripada keadaan sedia ada kepada keadaan yang lebih baik wajar diperkasakan. Sehubungan itu, saya menyeru semua masyarakat supaya sedar tentang peri pentingnya peningkatan kualiti hidup sebagai wasilah kemajuan dan kecemerlangan.

Usaha yang diambil oleh Wilayah Persekutuan dalam arus pembangunan negara amat tepat pada masanya, iaitu ketika umat Islam dan negara sedang menghadapi ujian dan kesukaran akibat pandemik Covid-19. Atas semangat ini insya-Allah masyarakat akan terus membuka minda tentang tujuan hidup yang sebenarnya, dan sama-sama memahami hala tuju yang mahu dibawa oleh pimpinan negara ke arah pencapaian yang lebih cemerlang. Teruskanlah kawalan sendiri masing-masing dengan mematuhi S.O.P-

S.O.P yang telah ditetapkan dalam usaha kita membendung penularan wabak Covid-19. Mudah-mudahan dengan kebersamaan dan kerjasama kita semua akan dapat mengekang penularan wabak ini, Insya-Allah.

Firman Allah SWT:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلِيفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيَبْلُوكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ۝١٦٥

Maksudnya: “Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Dia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”. (Surah al An’am ayat 165)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَي سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا
سِرِي قَدُوْكَ بَكِيْنْدَا يَغْ دَفْرَتُوَانِ اَكُوْغْ ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سِرِي قَدُوْكَ بَكِيْنْدَا رَاجِ فَرْمَايسُوْرِي اَكُوْغْ،
تُونْكَو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيْزَةُ أَمِيْنَةُ مِيْمُوْنَةُ إِسْكَنْدَرِيَّةُ بِنْتُ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى
اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، ۞ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۞
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكْرُكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.